



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
SESI JUN - DISEMBER 1999**

**POTGAMAS ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN OLEH:**

WAN NOR AZLIN WAN ABAID	97105764 ✓
JAMILAH MD ISA	97110024 ✓
IDA WIZANA IDERIS	96533589 ✓
NASRIYAH MOHD NASIR	97209047 ✓
ZURINA PAZIL	96908642 ✓

**DBS 5E**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>SURAT KEBENARAN</b>	I
<b>SURAT PENYERAHAN</b>	II - III
<b>SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN</b>	IV - VII
<b>PENGHARGAAN</b>	VIII - X
<b>ISI KANDUNGAN</b>	XI - XII
<b>PENGENALAN</b>	1 - 2
<b>LOGO</b>	3
<b>TAFSIRAN LOGO</b>	4 - 5
<b>TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN</b>	6 - 7
<b>LATAR BELAKANG PERNIAGAAN</b>	8
<b>LATAR BELAKANG AHLI KONGSI</b>	9 - 13
<b>LOKASI TAPAK PERNIAGAAN</b>	14 - 17
 <b>RANCANGAN PENTADBIRAN</b>	
• Pengenalan Organisasi ✓	18
• Matlamat Organisasi ✓	19
• Strategi Organisasi ✓	20
• Spesifikasi Tugas	21 - 27
• Kelayakan Kakitangan Pengurusan ✓	28
• Carta Organisasi ✓	29
• Jadual Jawatan & Bilangan Tenaga Pekerja ✓	30
• Intensif Pekerja	31 - 32
• Imbuhan Balas Jasa & Insentif Pekerja	33
• Keperluan Pejabat	34
• Perbelanjaan Pentadbiran ✓	35
• Susun Atur Pejabat	36
• Pelan & Susun Atur Ruang Pejabat	37 - 38
 <b>RANCANGAN PEMASARAN</b>	
• Carta Organisasi Pemasaran	39
• Aspek Pemasaran	40
• Bentuk Pemasaran ✓	41
• Pasaran sasaran ✓	42 - 43
• Saiz Pasaran	44
• Analisa Pesaing	45
• Kelebihan & Kelemahan Pesaing	46
• Nama & Alamat Pesaing	47
• Syer Pasaran	48 - 51
• Ramalan Jualan ✓	52
• Strategi Pemasaran	53 - 57
• Imbuhan Balas Jasa	58
• Perbelanjaan Pemasaran ✓	59

**RANCANGAN OPERASI**

• Pengenalan	61
• Lokasi Tapak Projek ✓	62 - 63
• Bahan Mentah	64
• Ramalan Belian Bahan Mentah	65
• Jadual Anggaran Bahan Mentah	66
• Kapasiti Pengeluaran Mengikut Jenis Mesin	67
• Senarai Kelengkapan & Mesin	68
• Proses Membuat Portable Garage ✓	69 - 70
• Carta Aliran Proses	71
• Kapasiti Pengeluaran	72
• Masa Yg. Diambil Utk. Mengeluarkan Seunit Produk	73
• Jadual Imbuhan Balas Jasa	74
• Susun Atur Bahagian Operasi	75
• Perbelanjaan Operasi ✓	76

**RANCANGAN KEWANGAN**

• Pengenalan	77 - 80
• Kos Perlaksanaan Projek ✓✓	81
• Sumber Pembiayaan Projek ✓✓	82
• Jadual Bayaran Balik Pinjaman	83
• Jadual Bayaran Ansuran Sewa Beli	84 - 85
• Jadual Susut Nilai Aset Tetap	86 - 88
• Proforma Aliran Tunai ✓	89 - 90
• Proforma Penyata Perkilangan	91
• Proforma Penyata Perdagangan & Untung Rugi ✓	92 - 93
• Kunci Kira-kira 2001 ✓	94
• Kunci Kira-kira 2002 ✓	95
• Kunci Kira-kira 2003	96

**RUMUSAN  
LAMPIRAN**

97
98

# PENGENALAN.

Nama perniagaan kami ialah POTGAMAS ENTERPRISE iaitu sebuah perniagaan perkongsian yang mengeluarkan produk bernama Portable Garage. POTGAMAS ENTERPRISE adalah sebagai pengeluar produk ini yang diuruskan oleh lima orang ahli kongsi yang terdiri daripada anak melayu yang berpengalaman, berpengetahuan dan bersemangat utuh di dalam dunia perniagaan dan bersedia bergabung minda dan tenaga untuk berhadapan dengan risiko perniagaan yang bakal dihadapi.

Kami bersepakat membuat kata putus untuk mencipta produk ini khas untuk perlindungan kepada kereta dari sinaran matahari dan hujan. Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat, didapati produk untuk perlindungan kereta seperti Car -cover , Sun Shade dan sebagainya yang telah lama berada di pasaran masih tidak mampu memenuhi apa yang benar-benar dikehendaki oleh para pemilik kereta untuk melindungi kereta mereka. Produk pelindung kereta yang ada di pasaran sekarang juga mempunyai kelemahan yang masih belum ada penyelesaiannya iaitu hanya memberi perlindungan kepada kereta di tempat-tempat yang tertentu sahaja.

Sebagai perintis baru di dalam pengeluaran produk ini kami telah memilih Kawasan Perusahaan Sungai Petani sebagai pusat pengeluaran, bersetujuan dengan kapasiti dan kemampuan yang kami ada buat permulaan ini. Kawasan ini bukan saja berhampiran dengan para pembekal bahan utama kami malah terdapat bekalan sumber tenaga kerja yang tinggi disamping kemudahan infrastruktur yang baik .

Kami merancang untuk memulakan perniagaan ini pada tahun 2003 dengan siapnya pembinaan kilang berkembar 2 tingkat di tapak yang telah dipilih dan tamatnya pengajian kami dalam Ijazah Pengurusan Perniagaan pada ketika itu. Kami memilih untuk mewujudkan perniagaan berbentuk perkongsian ini kerana kami percaya gabungan kepakaran dan kemahiran antara kami berlima pasti akan dapat menyumbang kepada perkembangan perniagaan ini dan mencapai matlamat yang telah sama-sama kami tetapkan.

Kami yakin POTGAMAS ENTERPRISE mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang memandangkan penciptaan produk kami ini bukan saja sebagai produk yang baru malah sebelum penciptaan dan pengubahsuaian dibuat pelbagai kajian dan analisis telah kami jalankan ke atas produk pelindung kereta yang telah ada di pasaran mengenai kelemahan dan keistimewaananya. Bukan itu saja kami juga telah membuat kajian terhadap para pemilik kereta secara personel untuk mengetahui apakah masalah yang mereka hadapi walaupun telah ada produk pelindung kereta di pasaran.

Hasil kajian demi kajian yang dilakukan, kami telah berjaya menemui satu formula penciptaan produk terbaru hasil gabungan sistem roller dan kanvas pelindung kereta yang bertindak memantul cahaya matahari supaya kadar penyerapan haba dapat dikurangkan ke atas kereta dan kanvas ini mempunyai ketahanan yang kuat kepada hujan dan panas kerana fabrik yang digunakan adalah kuat dan berkualiti. Produk ini bukan saja mampu melindungi kereta dari hujan dan panas malah para pemilik kereta boleh menggunakannya di mana saja kereta mereka di letakkan tanpa perlu membuang masa mencari tempat meletak kereta yang teduh. Produk inilah yang kami namakan PORTABLE GARAGE.